

Bil. S 28

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83)

**PERINTAH DARURAT (YAYASAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH), 1992**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), 1992, dan akan berjalan kuatkuasanya pada 5 haribulan Oktober, 1992.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain :

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terkandung di dalam Jadual kepada Perintah ini ;

“Yayasan” bermakna Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Perlembagaan Yayasan.

3. Peruntukan-peruntukan Perlembagaan hendaklah berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa undang-undang pada tarikh berkuatkuasanya Perintah ini.

Alamat pejabat bagi penyampaian.

4. (1) Yayasan hendaklah mengadakan dan menyenggara suatu pejabat dalam Negara Brunei Darussalam dan pejabat itu hendaklah menjadi alamat bagi penyampaian segala jenis notis dan perhubungan bertulis lain.

(2) Segala notis dan perhubungan bertulis lain hendaklah, jika ditinggalkan di pejabat yang diadakan dan disenggara di bawah ceraian (1), dianggap sebagai telah disampaikan atau diserahkan dengan sempurnanya kepada Yayasan kepada siapa segala notis dan perhubungan bertulis itu mungkin telah dialamatkan.

Perubahan atau Penambahan kepada Perlembagaan.

5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh meminda, mengubah dan menambah peruntukan-peruntukan Perlembagaan.

## JADUAL

### PERLEMBAGAAN YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

#### BAHAGIAN I

##### TAFSIRAN

1. Perlembagaan ini boleh digelar sebagai Perlembagaan Yayasan Gelaran. Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

2. Di dalam Perlembagaan ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain — Tafsiran.

“Tahun Kewangan” bermakna tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 haribulan Disember ;

“Pengarah Urusan” bermakna Pengarah Urusan yang dilantik di bawah bab 6 dari Perlembagaan ini ;

“Yayasan” bermakna Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ;

“Lembaga” bermakna Lembaga Pengarah yang dilantik di bawah bab 4 dari Perlembagaan ini ;

“Ahli Keluarga Baginda” bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta Putera-putera dan Puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ;

“Kumpulan Wang Yayasan” bermakna wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 12 dari Perlembagaan ini.

#### BAHAGIAN II

##### PENUBUHAN DAN PENTADBIRAN YAYASAN

3. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan suatu Yayasan yang digelar “Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah” yang mana hendaklah kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan ter-takluk kepada dan bagi maksud-maksud Perlembagaan ini, boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih atau tak alih, dan boleh membuat kontrak dan boleh memberi hak, menyerahkan, melepaskan, menggadaikan, menggadai-janji, memajak, memberi hak semula, memindah milik ataupun sebaliknya melupuskan atau mengendalikan, sebarang harta alih atau tak alih atau sebarang kepentingan

Penubuhan  
Yayasan.

ke atasnya yang terletakhak pada Yayasan mengikut syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dari masa ke semasa.

(2) Yayasan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai itu boleh, dari masa ke semasa, dipecah, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang dianggapnya patut, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah bab ini, suatu cap yang mengandungi perkataan "Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah" boleh digunakan sebagai meterai biasa.

(3) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang memerlukan meterai Yayasan hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Yayasan dengan kebenaran Yayasan di hadapan Pengarah Urusan dan orang lain yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Yayasan untuk bertindak bagi maksud itu dan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah Urusan dan oleh orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya itu, dan penandatanganan demikian, sehingga dibuktikan sebaliknya, adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai biasa Yayasan telah dengan sempurna dan betul dibubuh dan bahawa meterai itu adalah meterai biasa Yayasan yang sah.

(4) Yayasan boleh dengan ketetapan atau dengan cara lain melantik seseorang pegawai Yayasan atau mana-mana wakil lain sama ada secara am atau dalam sesuatu perkara tertentu untuk menyempurnakan atau menandatangani bagi pihak Yayasan sebarang perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterai berhubung dengan sebarang perkara yang termasuk di dalam kuasa-kuasa Yayasan.

(5) Meterai biasa atau cap di bawah ceraian (2) hendaklah di simpan dalam jagaan Pengarah Urusan.

Lembaga  
Pengarah.

4. (1) Maka hendaklah ada sebuah Lembaga Pengarah Yayasan yang akan bertanggungjawab terhadap dasar dan pentadbiran am mengenai hal ehwal dan urusan Yayasan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri dari seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sebilangan pengarah lain yang hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Ahli-ahli Lembaga hendaklah dilantik daripada kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang berugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

(4) Ahli-ahli Lembaga yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

(5) Syarat-syarat ceraian (4) dari bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada seseorang pengarah yang dilantik sebagai Pengarah Urusan di bawah bab 6 dari Perlembagaan ini.

(6) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini kerana sakit, tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau kerana sebarang sebab lain apa jua pun, maka tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi.

(7) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat-mesyuarat seberapa kerap kali yang mungkin dikehendaki tetapi tidak kurang kerap kaliinya dari sekali dalam empat bulan dan pada setiap mesyuarat Lembaga, korum hendaklah terdiri dari tiga orang pengarah, termasuk Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(8) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus dalam hal persamaan undi.

(9) Lembaga boleh mempelawa mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menghadiri mesyuarat Lembaga bagi maksud memberi nasihat kepada Lembaga mengenai apa jua perkara.

(10) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan prosedurnya sendiri dan membuat aturan-aturan bagi menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih baik lagi di bawah Perlembagaan ini.

5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menamatkan lantikan mana-mana pengarah yang dilantik di bawah ceraian (2) bab 4 dari Perlembagaan ini jika dia —

Kehilangan  
kelayakan  
Pengarah.

- (a) meletakkan jawatannya ;
- (b) menjadi tidak siuman atau tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya ;
- (c) menjadi bankrap atau menggantung pembayaran kepada atau membuat penyelesaian dengan pemutang-pemutangnya ;
- (d) disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau penipuan atau kekejadian akhlak ;
- (e) bersalah kerana melakukan salah laku yang berat berhubung dengan tugas-tugasnya ;
- (f) tidak menghadiri, tanpa kebenaran Pengerusi, mesyuarat-mesyuarat Lembaga sebanyak tiga kali berturut-turut ; atau
- (g) gagal memenuhi kewajipannya di bawah bab 12 dari Perlembagaan ini.

Pengarah  
Urusan.

6. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sembah sokongan Pengerusi Lembaga Pengarah boleh melantik salah seorang daripada pengarah-pengarah yang dilantik di bawah bab 4 dari Perlembagaan ini sebagai Pengarah Urusan.

(2) Pengarah Urusan adalah Ketua Eksekutif Yayasan.

(3) Pengarah Urusan hendaklah diambil berkhidmat atas syarat-syarat perkhidmatan yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Pengarah Urusan hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran harian Yayasan, penyediaan rancangan, skim atau projek untuk pertimbangan Lembaga dan pelaksanaan keputusan Lembaga.

(5) Pengarah Urusan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga terhadap tindakan dan keputusannya.

(6) Jika Pengarah Urusan tidak ada atau tidak berupaya untuk bertindak, Pengerusi Lembaga dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang pengarah untuk menunaikan kewajipannya dalam tempoh ketiadaan atau ketiadaupayanya itu.

Jemaah  
Tadbir.

7. (1) Maka hendaklah ada sebuah Jemaah Tadbir yang akan bertanggungjawab untuk mengawasi perjalanan Yayasan dan mempastikan supaya penyelewengan tidak dilakukan oleh Yayasan dari segi pengendalian dan perjalanan urusan Yayasan dan pengendalian dan perjalanan urusan itu adalah menepati dasar dan tujuan Yayasan.

(2) Jemaah Tadbir hendaklah terdiri dari seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan tidak lebih dari tiga orang ahli yang lain yang hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Ahli-ahli Jemaah Tadbir hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari empat tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Syarat-syarat ceraian (3) dari bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jemaah Tadbir.

(5) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Jemaah Tadbir hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan prosedurnya sendiri dan membuat aturan-aturan bagi menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih baik lagi di bawah Perlembagaan ini.

8. Tiada seorang ahli Lembaga atau Jemaah Tadbir Yayasan boleh memikul sebarang tanggungan persendirian kerana sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang perbuatan atau peninggalan dalam pentadbiran hal ehwal Yayasan melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh suatu perbuatan atau peninggalan salah secara sengaja dipihaknya.
- Tanggungan ahli.
9. (1) Mana-mana pengarah yang mempunyai atau memperolehi, secara langsung atau tidak olehnya sendiri, melalui kongsi atau wakilnya —
- Pendedahan kepentingan.
- (a) sebarang bahagian atau kepentingan —
    - (i) dalam sebarang kontrak yang dibuat dengan Yayasan ;
    - (ii) dalam sebarang kerja yang dibuat untuk Yayasan ; atau
    - (iii) dalam sebarang syarikat atau firma atau berkaitan dengan sebarang perniagaan di mana Yayasan bercadang hendak membuat suatu kontrak dengannya ; atau
  - (b) sebarang kepentingan berfaedah ke atas tanah yang dicadangkan untuk diperolehi, dibeli, dipajak atau dengan cara lain dikendalikan oleh Yayasan, yang diketahuinya akan terabit atau mungkin akan terabit oleh sebarang projek, skim atau perusahaan yang diluluskan atau dicadangkan untuk diluluskan oleh Yayasan,
- hendaklah mengisyiharkan jenis dan setakat mana bahagian atau kepentingannya kepada Yayasan.
- (2) Pengisyiharan yang dikehendaki dibuat oleh seseorang pengarah di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat pada mesyuarat Lembaga di mana sebarang persoalan berkenaan dengan kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau skim itu pertama kalinya dipertimbangkan, atau jika pada tarikh mesyuarat itu pengarah itu tidak mempunyai sebarang bahagian atau kepentingan itu, pada mesyuarat yang berikutnya yang diadakan selepas dia memperolehi bahagian atau kepentingan itu, dan dalam hal jika seseorang pengarah memperolehi sebarang bahagian atau kepentingan itu dalam sebarang kontrak dengan Yayasan selepas kontrak itu dibuat, pengisyiharan tersebut hendaklah dibuat pada mesyuarat pertama yang diadakan selepas pengarah itu memperolehi bahagian atau kepentingan itu.
- (3) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu notis am yang diberi oleh seseorang pengarah kepada pengarah-pengarah lain yang bermaksud bahawa dia adalah seorang ahli dari sebarang syarikat atau firma tertentu

dan dikira sebagai berkepentingan dalam sebarang kontrak yang, selepas tarikh notis itu, boleh dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma itu, hendaklah dianggap sebagai suatu pengisyiharan kepentingan yang mencukupi berhubung dengan sebarang kontrak atau permohonan yang dibuat demikian ;

Dengan syarat bahawa notis itu hendaklah tidak mempunyai kuatkuasa melainkan jika ianya diberi pada mesyuarat Lembaga atau pengarah yang berkenaan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mempastikan supaya ianya dibentangkan dan dibaca pada mesyuarat Lembaga yang berikutnya setelah ianya diberi.

(4) Tiap-tiap pengisyiharan yang dibuat menurut bab ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat di mana pengisyiharan itu dibuat atau dibaca.

(5) Seseorang pengarah hendaklah tidak mengundi atas sebarang ketetapan atau persoalan berhubung dengan sebarang kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau skim di mana dia mempunyai sebarang bahagian atau kepentingan, sama ada dia telah mengisyiharkannya atau tidak, dan dia hendaklah juga tidak mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan (kecuali atas pelawaan Lembaga) atau keputusan berhubung dengannya atau sebarang perkara yang berkaitan dengannya, dan jika dia berbuat demikian undinya hendaklah tidak dikira, dan dia hendaklah juga tidak dikira dalam korum yang hadir pada mesyuarat itu bagi maksud ketetapan atau persoalan itu.

### BAHAGIAN III

#### DASAR-DASAR PENUBUHAN DAN TUJUAN-TUJUAN YAYASAN

Dasar  
Penubuhan  
Yayasan.

10. Dasar-dasar bagi penubuhan Yayasan adalah seperti berikut :—

- (a) Menjadi Wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan ahli Keluarga Baginda.
- (b) Sebagai tanda pemedulian dan kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada rakyat Baginda yang sentiasa taat setia kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.
- (c) Menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat dan Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur ; serta keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian yang direndai oleh Allah Subhanahu Wataala.

11. (1) Tertakluk kepada syarat bahawa aktiviti Yayasan dalam bab ini hendaklah merupakan aktiviti yang dikendalikan oleh badan bukan Kerajaan, Yayasan hendaklah mempunyai tujuan-tujuan yang berikut :—

Tujuan  
Yayasan.

(a) Ugama :

- (i) Menghulurkan bantuan kewangan atau biasiswa ugama untuk tujuan pendidikan ugama kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menurut syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang boleh dikenakan oleh Yayasan dari semasa ke semasa ;
- (ii) Menghulurkan bantuan kewangan kepada seseorang atau pertubuhan atau badan bukan Kerajaan yang menjalankan gerakan dakwah atau usaha meninggikan syiar Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan syarat orang perseorangan atau pertubuhan atau badan itu mendapat kebenaran Kerajaan untuk menjalankan gerakan atau usaha mereka itu dan dengan syarat gerakan atau usaha itu adalah bagi faedah di dalam Negara Brunei Darussalam sahaja ;
- (iii) Menghulurkan bantuan ke atas pembinaan, pengurusan dan pemeliharaan sekolah-sekolah ugama dan masjid-masjid yang diusahakan oleh mana-mana orang atau pertubuhan atau badan bukan Kerajaan dengan syarat usaha itu hendaklah mendapat kebenaran Kerajaan.

(b) Kebajikan :

- (i) Mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan mengadakan skim bantuan kepada orang-orang yang tidak bernasib baik seperti orang miskin, orang cacat, dan lain-lain dan bantuan bencana alam ;
- (ii) Mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dengan mengadakan skim bagi membantu belia yang memerlukan latihan kemahiran, dan memberikan bantuan kepada badan-badan sukarela yang diiktiraf oleh Kerajaan ;
- (iii) Menanam dan memupuk semangat kecemerlangan dalam bidang sosio-budaya dan sosio-ekonomi di kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan mengadakan peraduan dan hadiah dalam

bidang sastera dan kebudayaan ;

- (iv) Menghulurkan bantuan kepada pesakit yang tidak berkelayakan di bawah skim bantuan Kerajaan.

(c) Pendidikan :

- (i) Mengadakan dermasiswa kepada penuntut-penuntut yang memerlukan bantuan dari segi bayaran yuran sekolah, buku, alat projek, pakaian seragam sekolah, kenderaan, yuran peperiksaan dan elaun tunjangan menurut syarat-syarat dan kelayakan yang boleh dikenakan oleh Yayasan dari semasa ke semasa ;
- (ii) Mengadakan bantuan ke atas penyelidikan dan perkembangan yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi bagi kepentingan kemajuan saintifik, teknologi dan kemasyarakatan.

(d) Pembangunan :

Mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan pembangunan selain daripada yang dikendalikan oleh Kerajaan.

(e) Kewangan :

- (i) Mengambil bahagian dalam apa juu aktiviti perusahaan komersial dan industri yang sesuai dengan konsep dan tujuan Yayasan ;
- (ii) Membeli, menjamin atau sebaliknya mendapatkan sebarang stok dan saham ;
- (iii) Menubuhkan dari semasa ke semasa sebuah syarikat atau perbadanan untuk mengendalikan atau menguruskan sebarang projek, skim atau perusahaan.

(2) Yayasan adalah untuk kebaikan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan asalkan tidak bercanggah dengan konsep Melayu Islam Beraja.

(3) Tertakluk kepada kesesuaian dan keadaan sesuatu kes, faedah atau bantuan di bawah bab ini boleh dipertimbangkan untuk diberikan kepada orang yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam sesuatu kes yang difikirkan istimewa (special case) oleh Yayasan.

## BAHAGIAN IV

### PENTADBIRAN, PELABURAN DAN KEWANGAN

12. (1) Bagi tujuan untuk membolehkan Yayasan ini melaksanakan tujuannya, maka hendaklah ditubuhkan satu kumpulan wang dinamakan "Kumpulan Wang Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah".

Kumpulan  
Wang  
Yayasan.

(2) Kumpulan Wang Yayasan ini hendaklah mengandungi :—

- (a) jumlah wang sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan ahli Keluarga Baginda berkenan untuk mengurniakan dari satu masa ke semasa ;
- (b) pelaburan atau melalui pengendalian sebarang projek, skim, agensi atau perusahaan yang dibiayai dari Yayasan, termasuk wang, dokumen pelaburan, harta dan seumpamanya, kepunyaan Yayasan.

(3) Semua Kumpulan Wang Yayasan yang tersebut dalam ceraian (2) di atas hendaklah di simpan di institusi-institusi kewangan atau wakil sebagaimana yang difikirkan bersesuaian oleh Yayasan.

13. Kumpulan Wang Yayasan boleh digunakan bagi maksud-maksud menjalankan kewajipan-kewajipan dan tujuan-tujuan Yayasan.

Perbelanjaan  
Yayasan.

14. Aset Kumpulan Wang Yayasan hendaklah, setakat yang ianya tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Yayasan di bawah Perlembagaan ini dilaburkan dalam pelaburan-pelaburan yang pada masa ini dibenarkan oleh undang-undang berkenaan dengan pelaburan wang amanah atau mana-mana jenis pelaburan lain sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Yayasan asalkan tidak bercanggah dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Pelaburan  
Yayasan.

15. (1) Yayasan hendaklah menyimpan akaun-akaun yang betul dan rekod-rekod lain berkaitan dengan pengendaliannya dan hendaklah menyediakan suatu penyata akaun bagi tiap-tiap tahun kewangan.

Akaun dan  
audit.

(2) Akaun-akaun Yayasan hendaklah diaudit oleh juruaudit-juru-audit yang dilantik oleh Yayasan.

(3) Selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan dan akaun-akaun Yayasan telah diaudit, Yayasan hendaklah tiga bulan dari tarikh tahun kewangan itu menyebabkan supaya satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan berserta dengan satu salinan sebarang ulasan yang telah dibuat oleh juruaudit yang

dilantik di bawah ceraian (2) dari bab ini dan sebarang ulasan, jika ada oleh Jemaah Tadbir Yayasan mengenai sebarang pernyataan atau mengenai sebarang akaun Yayasan.

Senarai  
jawatan dan  
lantikan  
pekerja.

16. (1) Yayasan boleh dari masa ke semasa meluluskan suatu senarai jawatan (tidak termasuk pengarah) yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Perlembagaan ini dan boleh menambah atau meminda senarai ini.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini —

- (a) lantikan dan kenaikan pangkat ke semua jawatan hendaklah dibuat oleh Yayasan ; dan
- (b) penamatan lantikan, pembuangan kerja dan kawalan tata tertib pekerja Yayasan hendaklah terletak hak pada Yayasan.

(3) Yayasan boleh membuat aturan-aturan, yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat Perlembagaan ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain, bagi lantikan, kenaikan pangkat, kawalan tatatertib dan syarat-syarat perkhidmatan semua orang yang berkhidmat dengan Yayasan.

(4) Tanpa menyentuh keluasan makna ceraian (3) dari bab ini, Yayasan hendaklah menetapkan kadar-kadar ganjaran yang kena dibayar kepada orang-orang yang berkhidmat dengan Yayasan dan tiada sesiapa pun yang berkhidmat sedemikian boleh dibayar melainkan menurut kadar-kadar itu.

Lantikan  
wakil.

17. Yayasan boleh, dengan suratcara di bawah meterai biasanya, melantik seseorang (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam) sebagai wakilnya, dan orang yang dilantik itu boleh, tertakluk kepada suratcara itu, membuat sebarang tindakan atau menyempurnakan sebarang kuasa atau tugas yang dia diberi kuasa oleh suratcara itu untuk melakukan atau menyempurnakannya.

Laporan  
tahunan.

18. Yayasan hendaklah dalam masa enam bulan dari berakhirnya tahun kewangannya menyembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan satu laporan mengenai perjalanan kerja Yayasan di sepanjang tahun itu.

Diperbuat pada 15 haribulan September, 1992 di Istana Nurul Iman  
Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM